



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

**PENGAJARAN DARI PERISTIWA
ISRAK DAN MIKRAJ**

Siri: 11/2021

28 Rejab 1442 H

Bersamaan

12 MAC 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah DILARANG. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى،
وَعَرَجَ بِهِ إِلَى السَّمَاوَاتِ الْعُلَى، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ الْمُصْطَفَى، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَيْرِ
الْوَرَى، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى الطَّامَّةِ الْكُبْرَى.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَاتُمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ

Bertakwalah kamu kepada Allah s.w.t dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya, serta janganlah kamu mati melainkan kamu berada dalam keadaan Islam. Tajuk khutbah pada hari ini ialah:

Pengajaran dari peristiwa Israk dan Mikraj

Sidang Jumaat yang berbahagia

Israk bererti perjalanan Nabi s.a.w menaiki Buraq dari Masjid Al Haram di Mekah ke Masjid Al Aqsa, di Palestin. Sementara Mikraj pula bererti perjalanan Baginda dari Masjid Al Aqsa ke langit yang pertama sehingga langit ketujuh dan seterusnya ke Sidratil Muntaha.

Setiap tahun apabila tibanya tanggal 27 Rejab umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan majlis sambutan peristiwa Israk dan Mikraj, bagi memperingati salah satu peristiwa yang menjadi Mukjizat Rasulullah s.a.w yang mengandungi berbagai-bagai pengajaran untuk dihayati dan diambil pengiktibaran.

Peristiwa ini telah diabadikan oleh Allah s.w.t dalam al Quran sebagaimana firmanNya dalam surah al Israa' ayat 1 :

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا
الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Yang bermaksud:

Maha suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha mendengar, lagi Maha melihat.

Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah sekalian

Di antara pengajaran yang boleh diambil pengiktibaran dan dihayati dari peristiwa tersebut ialah:

Pengajaran Pertama: Wajib yakin bahawa Allah s.w.t berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendakiNya, termasuk mempercepatkan masa perjalanan dalam

peristiwa Israk dan Mikraj dari masa perjalanan berbulan lamanya kepada perjalanan hanya dalam masa satu malam. Firman Allah dalam surah al Maidah ayat 120:

لِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا فِيهِنَّ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٢٠﴾

Yang bermaksud:

Allah jualah Yang Menguasai alam langit dan bumi serta segala yang ada padanya; dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Pengajaran Kedua: Darjat hamba merupakan darjat yang sangat tinggi di sisi Allah. Dalam peristiwa ini, Baginda s.a.w disebut oleh Allah dengan panggilan hamba. Oleh itu hendaklah kita berusaha agar benar-benar jadikan diri kita hamba Allah yang taat , kerana orang yang diiktiraf sebagai Hamba Allah adalah orang yang layak memasuki syurga Allah. Firman Allah dalam surah al Fajr ayat 27-30:

يَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَةً ﴿٢٨﴾

فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَاَدْخُلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud:

"Wahai orang Yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap (*mutmainnah*) dengan kepercayaan dan bawaan baiknya!.Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai

(di sisi Tuhanmu) !.Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu (yang berbahagia) dan masuklah ke dalam SyurgaKu!”.

Pengajaran Ketiga: Ibadat solat merupakan Ibadat yang paling mulia berbanding dengan ibadat-ibadat yang lain, kerana itulah kewajipan ibadat solat diperintahkan secara langsung kepada Rasulullah s.a.w tanpa melalui perantaraan Malaikat Jibril, sementara kewajipan ibadat-ibadat yang lain seperti Zakat Puasa, Haji dan sebagainya hanya diperintahkan melalui perantaraan Malaikat Jibril. Ini selaras dengan sabda Rasulullah s.a.w:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ...

(واه الترمذي وابن ماجه)

Yang bermaksud:

Kepala urusan Agama itu, Islam, tiangnya adalah solat

(H.R, Tirmizi dan Ibnu Majah)

Pengajaran Keempat: setiap perbuatan yang baik dan buruk akan menerima balasan yang setimpal dengannya, di hari akhirat nanti, sebagaimana yang didedahkan kepada Baginda s.a.w dalam peristiwa tersebut, antaranya: orang yang berjihad pada jalan Allah, dapat menuaikan hasilnya berterusan, bau harum yang datang dari tukang sikat rambut anak Firaun (Masyitah) yang sanggup mati dibunuh kerana mempertahankan tauhid kepada Allah, orang yang meninggalkan solat azabnya dengan memecahkan kepala sendiri berulang-ulang berterusan, orang yang memfitnah azabnya dengan menggunting lidah dan bibir sendiri berterusan dan berbagai-bagai lagi azab yang diperlihatkan kepada Baginda.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian

Kesimpulannya:

Sempena memperingati peristiwa Israk Mikraj ini dan dalam situasi yang kita sedang berhadapan dengan penularan wabak COVID-19 yang telah mengakibatkan jangkitan melebihi ratusan ribu kes, dan kes kematian pula melebihi 1000 orang ini. Marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil pengiktibaran dari peristiwa tersebut bagi bermuhasabah diri, bersabar serta memperbaiki hubungan kita dengan Allah s.w.t dengan memperbanyakkan ibadat dan doa mudah-mudahan dengan itu Allah s.w.t akan mengangkat bala dan wabak ini dengan segera insya Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ قُلْنَا لَكَ إِنَّ رَبَّكَ أَحَاطَ بِالنَّاسِ وَمَا جَعَلْنَا الرُّءْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ

وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْءَانِ وَنُحُوفِهِمْ وَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

بَارِكْ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ،

وَنَفَعِنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ،

أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ

فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ حَفِظَكُمُ اللَّهُ،

Sidang Jumaat Yang Dimulihkan Allah sekalian.

Di antara cara untuk menambahkan kesempurnaan solat adalah dengan menjaga dan meluruskan saf dalam solat berjemaah.

Rasulullah SAW bersabda:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ، فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ تَمَامِ الصَّلَاةِ

Maksudnya: "Luruskanlah saf-saf kamu, kerana sesungguhnya meluruskan saf itu termasuk kesempurnaan solat".

Oleh itu, para hadirin yang dikasihi sekalian, pastikan saf yang didirikan ketika berjumaat nanti berada dalam satu garisan lurus dengan menyamakan kedudukan tumit jemaah kiri dan kanan.

Biarpun kita berada di atas sejadah masing-masing dan terpaksa menjaga jarak antara satu sama lain, kita masih tetap perlu memastikan saf kekal lurus. Mudah-mudahan ia menjadi sebahagian kesempurnaan solat kita.

Sidang Jumaat Yang Berbahagia

Pada Hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ
بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا
وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرْغَاكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللهُ.

